| | b) | Berapakah kos penyelenggaraan sekolah ini yang dikeluarkan oleh JAIS pada tahun 2022-2023? | **JAIS** | |
| | c) | Adakah Kerajaan Negeri / JAIS mempunyai tanah yang boleh dibangunkan untuk sekolah baharu di kawasan tersebut? | **JAIS** | |
| | | | | |
| 7. | **ISU KUARI SEKITAR KAWASAN DESA BUKIT INDAH DAN BUKIT LAGONG** | | | |
| | a) | Berapakah jumlah semasa kuari yang beroperasi di kawasan tersebut? | **PDT G** | |
| | b) | Berapakah jumlah kutipan premium yang dikutip Kerajaan Negeri daripada syarikat kuari dikawasan tersebut daripada tahun 2019 hingga 2023? | **PDT G / JAB HUTAN** | |
| | c) | Adakah pihak kerajaan menguatkuasakan jadual operasi lori dan letupan kepada pihak kuari? | **PDT G / JMG** | |
| | | | | |
| 8. | **ISU PEMBERSIHAN LONGKANG DI KAWASAN PETRON SUNGAI BULOH OLEH PIHAK ROADCARE** | | | |
| | a) | Apakah status semasa projek pembersihan yang telah diluluskan untuk kawasan ini? | **MBSA / JKR** | |
| | b) | Adakah projek pembersihan ini telah mengatasi masalah air bertakung ketika hujan di kawasan tersebut? | **MBSA / JKR** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **9.** | **STATUS PEMILIKAN TANAH PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PPDK) SAUJANA UTAMA** | | | |
| | **a)** | Apakah status semasa pemilikan tanah tapak PPDK ini? | **MPKS** | |
| | **b)** | Apakah Kerajaan Negeri merancang untuk membangunkan tanah ini? | **MPKS** | |
| | **c)** | Adakah tanah ini boleh diserahkan kepada persatuan penduduk berhampiran bagi tujuan pembangunan dan pengurusan PPDK? | **MPKS** | |
| | | | | |
| **10.** | **PENINGKATAN PENGUASAAN BAHASA ARAB SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK) DAN MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SELANGOR (MITS)** | | | |
| | **a)** | Nyatakan pencapaian Bahasa Arab SPM / STPM / STAM 2022 dan 2023. | **JAIS** | |
| | **b)** | Apakah program-program pengukuhan Bahasa Arab yang dilaksanakan di sekolah ini? | **JAIS** | |
| | **c)** | Berapakah jumlah pelajar Selangor yang mengambil jurusan Bahasa Arab di Mesir, Jordan, Arab Saudi dan Morocco 2024? | **JAIS** | |
| | | | | |
| **( 26 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA<br>Y.B. TUAN DR. MOHD ZAMRI BIN MOHD ZAINULDIN<br>(SUNGAI BURONG)** | | | | |
| **1.** | **CUKAI PINTU / FI LESEN PENJAJA** | | | |
| | **a)** | Merujuk jawapan mulut tentang program Iltizam Selangor Penyayang di sesi lepas, cukai pintu dan fi lesen penjaja yang telah dikemaskini semula, mengapakah pengecualian ini ditarik balik? | **SPBT** | |
| | **b)** | Adakah masih ada pengecualian bersasar diadakan bagi mereka-mereka yang layak diberikan pengecualian? | **SPBT** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **2.** | **STATUS TERKINI ISU TEBATAN TEBING DI SUNGAI KAJANG** | | | |
| | **a)** | Merujuk status sesi lepas berkaitan projek kawalan hakisan dan memperkukuhkan tebing di Sungai Kajang, iaitu dalam proses penilaian tender. Apakah status terkini projek tersebut? | **JPS** | |
| | **b)** | Adakah apa-apa tindakan segera bagi menyegerakan proses tersebut kerana musim monsun kian tiba? | **JPS** | |
| | | | | |
| **3.** | **PENDIDIKAN DI SRA / KAFA NEGERI SELANGOR DENGAN PERTAMBAHAN PENDUDUK / RAKYAT BERAGAMA ISLAM DAN KEPERLUAN YANG MENINGKAT DI SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM DI SELANGOR. INI DIBUKTIKAN DENGAN DATA PENINGKATAN SETIAP TAHUN PADA PERUNTUKAN MENGURUS (B14) JAIS** | | | |
| | **a)** | Apakah unjuran dibuat menangani keperluan ini dari segi bilik darjah, jumlah sekolah dan guru? | **JAIS** | |
| | **b)** | Jika ada, berapakah peratus pertambahan yang dibuat dalam belanjawan negeri? | **JAIS** | |
| | | | | |
| **4.** | **STATUS ADN BUKAN KERAJAAN DALAM JAWATANKUASA TINDAKAN PEMBANGUNAN DAERAH (JPTD)** | | | |
| | **a)** | Adakah barisan Ahli Dewan Negeri bukan kerajaan tidak dilibatkan secara langsung dalam jawatankuasa ini? | **PDT KS** | |
| | **b)** | Kemanakah forum atau platform ADN untuk mengenengahkan isu setempat bagi tindakan JPTD ini? | **PDT KS** | |
| | **c)** | Apakah peranan ADN bukan kerajaan ini tidak diiktiraf di peringkat JPTD? | **PDT KS** | |
| | | | | |
| **5.** | **ISU PAJAKAN TANAH 99 TAHUN** | | | |
| | **a)** | Merujuk soalan lepas, jika nilai tanah meningkat,pewaris tanah tidak mampu membayar premium baru bagi melanjutkan pajakan, apakah polisi kerajaan atas situasi ini? | **PTGS** | |
| | **b)** | Apakah khidmat rundingan, rayuan boleh diadakan bagi melanjutkan pajakan ini dan adakah pemilikan terlucut setelah tempoh pajakan berakhir? | **PTGS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **6.** | **STATUS PELAKSANAAN MANIFESTO PRN SELANGOR 2023** | | | |
| | **a)** | Berkaitan pelaksanaan manifesto semasa PRN Selangor 2023 (kos sara hidup dan keterjaminan makanan), berapa kerapkah JER boleh diadakan mengikut DUN? | **PKPS** | |
| | **b)** | Apakah insentif yang sedang diusahakan bagi mencapai keselamatan makanan, melahirkan lebih banyak agropeneur muda dan pembangunan industri laut di SABDA? | **MBI** | |
| | | | | |
| **7.** | **SKIM PENEMPATAN BERDAYA HUNI DI LUAR BANDAR** | | | |
| | **a)** | Merujuk jawapan sesi lepas, tiada satu pun berkenaan skim penempatan berdaya huni di luar bandar, adakah diwujudkan skim ini di luar bandar? | **LPHS** | |
| | **b)** | Adakah apa-apa rancangan bagi penempatan semula penduduk yang berada puluhan tahun duduk di tanah rizab jalan, rizab parit? | **PEJ. MB** | |
| | | | | |
| **8.** | **ISU PENJAJA TIDAK BERDAFTAR** | | | |
| | **a)** | Dalam menangani kebanjiran penjaja-penjaja baru yang tubuh umpama cendawan selepas hujan akibat kelembapan ekonomi daripasca Covid-19, adakah polisi menghadapi situasi ini? | **SPBT** | |
| | **b)** | Adakah perancangan di peringkat PBT di Selangor bagi menangani isu ini? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **9.** | **ISU AGROPELANCONGAN** | | | |
| | **a)** | Bagaimana Kerajaan Negeri boleh menyelaras agropelancongan seperti homestay di kawasan sawah padi supaya tidak bercanggah dengan isu keterjaminan makanan? | **SEKTORAL / SPBT** | |
| | **b)** | Adakah polisi penggunaan tanah yang sebelum ini 20% dari keluasan tanah dibenarkan bagi kediaman dan lain-lain? | **PTGS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 10. | **TINDAKAN PEMECATAN STAF UNISEL SEJAK JANUARI 2024** | | | |
| | a) | Nyatakan secara terperinci bilangan staf Unisel yang telah diberhentikan sejak Januari 2024 hingga kini dan sejauhmana mengikut prosedur yang sewajarnya dalam mengambil tindakan sedemikian. | **UNISEL** | |
| | b) | Nyatakan bentuk pampasan yang diberikan kepada staf yang terlibat, jika ada, sebagai menjaga kebajikan mereka. | **UNISEL** | |
| | | | | |
| | | **( 27 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA<br>Y.B. TUAN JEFRI BIN MEJAN<br>(IJOK)** | | |
| 1. | **RANCANGAN TEBATAN BANJIR SUNGAI BULOH** | | | |
| | a) | Apakah ada kelulusan lanjutan masa (EOT) untuk Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Buloh yang terkini? | **JPS** | |
| | b) | Jika ada, bilakah tarikh baharu dan apakah jaminan ia dapat disiapkan mengikut tempoh yang diluluskan? | **JPS** | |
| | c) | Apakah terdapat perubahan skop kerja atau kekal? | **JPS** | |
| | | | | |
| 2. | **BANTUAN PEKEBUN KECIL TERJEJAS BANJIR** | | | |
| | a) | Adakah Kerajaan Negeri memperuntukkan bantuan kepada pekebun kecil kelapa sawit yang terjejas pendapatannya akibat bencana banjir? | **PERTANIAN** | |
| | b) | Apakah mekanisma untuk mendapatkan bantuan atau sumbangan bagi pekebun kecil yang terjejas? | **PERTANIAN** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **3.** | **PENANAMAN PADI OLEH WARGA ASING** | | | |
| | **a)** | Sehingga kini, apakah langkah yang diambil Kerajaan Negeri untuk mengekang isu warga asing yang mengusahakan tanaman padi di negeri ini? | **PERTANIAN** | |
| | **b)** | Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan golongan belia tempatan kembali menceburi bidang pertanian khususnya tanaman padi? | **PERTANIAN** | |
| | | | | |
| **4.** | **PENDIDIKAN KEMAHIRAN SEPANJANG HAYAT** | | | |
| | **a)** | Mengapakah Kerajaan Negeri mengehadkan umur penerima Inisiatif Kemahiran Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) kepada 16 hingga 30 tahun sahaja? | **BPSM** | |
| | **b)** | Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memberikan peluang mengikuti pengajian kemahiran untuk mereka yang berusia lebih 30 tahun? | **BPSM** | |
| | | | | |
| **5.** | **UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)** | | | |
| | **a)** | Sila nyatakan kapasiti sebenar Asrama Unisel Kampus Bestari Jaya dan bilangan penghuni terkini. | **UNISEL** | |
| | **b)** | Apakah perancangan Unisel dalam memastikan penginapan pelajar di kampus Bestari Jaya dapat dimaksimumkan penggunaannya? | **UNISEL** | |
| | | | | |
| **6.** | **LEBUHRAYA PERSISIRAN PANTAI BARAT / WEST COAST EXPRESSWAY (WCE)** | | | |
| | **a)** | Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan pelaksanaan projek E32 Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)? | **LLM** | |
| | **b)** | Adakah Kerajaan Negeri bersedia menjadi moderator di antara WCE dengan agensi serta NGO untuk menyelesaikan masalah berbangkit seperti banjir / jalan rosak disebabkan pembangunan WCE? | **LLM** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **7.** | **PENUKARAN STATUS LOT LIDI** | | | |
| | **a)** | Adakah terdapat kaedah untuk Kerajaan Negeri mempermudah penukaran status tanah lot lidi menjadi milik individu dengan cara memberikan geran secara bersyarat? | **PTGS** | |
| | **b)** | Apakah Kerajaan Negeri mempunyai cara atau inisiatif bagi membolehkan rakyat untuk membeli tanah sendiri? | **PTGS** | |
| | | | | |
| **8.** | ***OUTLET* KOTA PUTERI** | | | |
| | **a)** | Adakah terdapat cadangan oleh JPS Selangor untuk mengkaji semula reka bentuk *outlet* di Kota Puteri untuk mengawal air yang menyebabkan banjir di Ijok? | **JPS / MPKS** | |
| | **b)** | Apakah ada kelulusan oleh Kerajaan Negeri disebahagian rezab sungai / tadahan banjir di SgBuloh (Ijok) sebagai tempat pembuangan sampah? | **JPS / MPKS** | |
| | | | | |
| **9.** | **PELANTIKAN PENGARAH URUSAN / PENGURUS BESAR / KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ANAK SYARIKAT MBI** | | | |
| | **a)** | Bagaimanakah kaedah pelantikan Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif anak syarikat Menteri Besar Selangor Pemerbadanan (MBI) dibuat? | **MBI** | |
| | **b)** | Adakah terdapat jawatankuasa yang ditubuhkan untuk meneliti dan mengkaji kredibiliti Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif anak syarikat MBI yang dilantik? | **MBI** | |
| | | | | |
| **10.** | **NIKAH SINDIKET** | | | |
| | **a)** | Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengekang nikah sindiket di luar negara yang dibuat tanpa kebenaran pihak JAIS malahan dilihat berani mempromosikan pakej pernikahan di luar negara seperti Thailand? | **JAIS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 28 ) PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA Y.B. TUAN MOHD RAZALI BIN SAARI (SUNGAI PANJANG)** | | | | |
| **1.** | **PROGRAM BASMI KEMISKINAN** | | | |
| | **a)** | Apakah kaedah kerajaan menentukan kadar kemiskinan dalam Negeri Selangor? | **ICU SEL** | |
| | **b)** | Apakah status terkini jumlah KIR miskin tegar di Negeri Selangor sehingga Mei 2024? | **ICU SEL** | |
| | **c)** | Agensi manakah yang menentukan KIR masuk dalam golongan miskin tegar? | **ICU SEL** | |
| | | | | |
| **2.** | **PELANCONGAN** | | | |
| | **a)** | Apakah status terkini Pusat Pemerhati Kelip-kelip setelah diswastakan dari segi pengurusan, penyelenggaraan dan promosi sebagai tempat pelancongan di DUN Sungai Panjang? | **MDSB** | |
| | **b)** | Apakah telah selesai tindakan penyediaan kerangka kerja bersama agensi-agensi bagi memajukan Pusat Konservasi Burung Enggang sebagai tempat pelancongan? | **MDSB** | ***Pejabat hutan, MDSB call 20/6** |
| | | | | |
| **3.** | **PEKEBUN KECIL** | | | |
| | **a)** | Bagaimana proses dan prosedur permohonan insentif untuk pembangunan tanaman sayuran dan kontan di bawah PK08 di dalam Rancangan Selangor 1 (RS1) 2021-2025? | **PERTANIAN** | |
| | **b)** | Senaraikan pekebun-pekebun yang menerima insentif ini dan telah berjaya mengeluarkan hasil untuk dipasarkan bermula 2021 sehinggi kini. | **PERTANIAN** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **4.** | **JALAN PLB** | | | |
| | **a)** | Berapa lama tempoh proses dari permohonan untuk menaiktaraf, melakukan siasatan di tapak, pemantauan sehingga selesai naiktaraf jalan PLB? | **PDT SB** | |
| | **b)** | Apakah pihak TM telah mengemukan permohonan kepada Pejabat Daerah bagi tujuan proses pemasangan tiang-tiang telefon di jalan-jalan PLB dan statusnya yang terkini? | **PDT SB** | |
| | | | | |
| **5.** | **SEKOLAH RENDAH AGAMA (SRA)** | | | |
| | **a)** | Merujuk laporan audit dalam Rancangan Baik Pulih Jabatan, SRA yang uzur semakin bertambah. Adakah Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan bagi baik pulih SRA pada masa akan datang? | **JAIS** | |
| | **b)** | Apakah perancangan dan tindakan Kerajaan Negeri terhadap sekolah (SRA) uzur dan kurang pelajar? | **JAIS** | |
| | | | | |
| **6.** | **PEMBIAKAN LALAT** | | | |
| | **a)** | Bagaimana proses penguatkuasaan terhadap pengusaha ladang yang didapati melakukan kesalahan membenarkan pembiakan lalat di bawah Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007 dan pelaksanaannya? | **VETERINAR** | |
| | **b)** | Adakah Kerajaan Negeri pernah mengambil tindakan terhadap pengusaha ladang mengikut Enakmen Perladangan Unggas dalam tempoh 15 tahun? | **VETERINAR** | |
| | | | | |
| **7.** | **PENGAIRAN DAN SALIRAN** | | | |
| | **a)** | Apakah status terkini Projek Struktur Kawalan Saliran dan Pasang Surut di kawasan pengairan Barat Laut, Sabak Bernam yang menelan belanja RM6,000,000.00? | **JPS** | |
| | **b)** | Berapa ramai pegawai yang ditugaskan bagi menyelia 578 kunci air serta nyatakan kawasan / tempat kunci air yang tiada pegawai menyelia? | **JPS** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| **8.** | **SABDA** | | | |
| | **a)** | Projek penaiktarafan infrastruktur bangunan Pusat Konvervasi Kelip-kelip Sungai Panjang siap sepenuhnya, apakah bentuk promosi dan pengiklanan yang telah dilakukan SABDA untuk menarik pelancong datang? | **MBI** | |
| | **b)** | Apakah status terkini 18 projek di bawah SABDA serta nyatakan projek telah mencapai 80% semenjak dilaksanakan? | **MBI** | |
| | | | | |
| **9.** | **MENTERI BESAR INCORPORATED (MBI)** | | | |
| | **a)** | Sila nyatakan keuntungan 23 anak syarikat MBI akaun yang berakhir Disember2023. | **MBI** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah zakat perniagaan yang dikeluarkan oleh 23 anak syarikat MBI dalam tempoh 5 tahun? | **MBI** | |
| | **c)** | Adakah Kerajaan Negeri berpuas hati dengan prestasi kewangan 23 anak syarikat MBI untuk 2014-2023? | **MBI** | |
| | | | | |
| **10.** | **MPKK DAN KETUA BLOK** | | | |
| | **a)** | Apakah status terkini MPKK dan Ketua Blok serta nyatakan pecahan kuota MPKK bagi setiap parti dalam kerajaan? | **PEJ. MB** | |
| | **b)** | Adakah Kerajaan Negeri berhasrat akan menaikkan elaun Ketua Blok yang sedia ada kepada yang lebih releven dengan kerja-kerja yang mencabar pada masa ini? | **PEJ. MB** | |
| | | | | |

**( 29 )**
**PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA**
**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH**
**(SUNGAI RAMAL)**

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | **TINDAKAN PBT** | | | |
| | **a)** | Apakah tindakan luar biasa dan lebih tegas dikuatkuasakan oleh MPKj bagi menyelesaikan kesesakan di laluan Alam Sari ke Jalan Reko, termasuk mengendurkan kemarahan penduduk Kampung Sungai Tangkas? | **MPKj** | |
| | | | | |
| **2.** | **INSENTIF PBT** | | | |
| | **a)** | Apakah insentif kewangan dan bukan kewangan diberikan kepada PBT Sabak Bernam memandangkan kebanyakan kawasannya adalah pertanian? | **SPBT** | |
| | **b)** | Adakah kerajaan mahu kekalkan PBT berkenaan dengan status zon pertanian bagi terus melabelkannya sebagai PBT asnaf? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **3.** | **TAMBAHBAIK PERKHIDMATAN PBT** | | | |
| | **a)** | Apakah penambahbaikan perkhidmatan yang diberikan setelah kenaikan kadar cukai pintu MPKj? | **MPKj** | |
| | | | | |
| **4.** | **SEKOLAH AGAMA / TAHFIZ** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah sekolah agama persendirian atau tahfiz dalam Daerah Hulu Langat sudah berdaftar dengan JAIS? Sila senaraikan kesemuanya termasuk alamat masing-masing. | **JAIS** | |
| | **b)** | Apakah insentif yang kerajaan berikan kepada sekolah-sekolah berkenaan? | **JAIS** | |
| | | | | |
| **5.** | **JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN SELANGOR (SELCAT)** | | | |
| | **a)** | Bilakah kali terakhir SELCAT bersidang? | **DEWAN** | |
| | **b)** | Apa perkara yang dibincangkan dan apa keputusannya? | **DEWAN** | |
| | **c)** | Bilakah SELCAT akan datang akan bersidang? | **DEWAN** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **6.** | **DASAR TENDER TERBUKA** | | | |
| | **a)** | Apakah Kerajaan Negeri sudah tidak mengamalkan Dasar Tender Terbuka? | **PNS** | |
| | **b)** | Jika ya, sejak bilakah ia bermula? | **PNS** | |
| | **c)** | Jika tidak, mengapa projek DRT diberikan tanpa tender terbuka? | **MBI** | |
| | | | | |
| **7.** | **STADIUM SHAH ALAM** | | | |
| | **a)** | Apakah status terkini perobohan stadium Shah Alam? | **MBI** | |
| | | | | |
| **8.** | **PROJEK *DEMAND RESPONSIVE TRANSIT* (DRT)** | | | |
| | **a)** | Apakah proses yang dibuat apabila kerajaan memberi projek DRT kepada Syarikat Asia *Mobility Technologies*? | **MBI** | |
| | | | | |
| **9.** | **PENUTUPAN KILANG GOODYEAR** | | | |
| | **a)** | Apakah tindakan intervensi Kerajaan Negeri dalam membantu lebih 500 orang pekerja di kilang Goodyear Shah Alam? | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Siapakah pemilik tanah bagi tapak kilang tersebut? | **PDT P** | |
| | **c)** | Apakah cadangan kerajaan untuk mengoptimumkan penggunaan tanah berkenaan nanti? | **PDT P** | |
| | | | | |
| **10.** | **PENDIDIKAN TVET** | | | |
| | **a)** | Apakah jenis-jenis pendidikan TVET yang mendapat sambutan awam di institusi pendidikan milik Negeri Selangor pada tahun 2023? | **AP** | |
| | **b)** | Bagaimana bentuk kolaborasi institusi berkenaan dengan pihak industri? | **AP** | |
| | **c)** | Apakah hasil daripada kolaborasi tersebut? | **AP** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 30 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA<br>Y.B. TUAN MU'IZZUDDEEN BIN MAHYUDDIN<br>(HULU BERNAM)** | | | | |
| **1.** | **CUKAI TAKSIRAN** | | | |
| | **a)** | Bagaimanakah kadar penilaian semula cukai taksiran ditentukan? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **2.** | **TANAH RIZAB ORANG ASLI** | | | |
| | **a)** | Apakah dasar dan usaha kerajaan dalam mewartakan tanah rizab Orang Asli di Selangor? | **JAKOA** | |
| | | | | |
| **3.** | **BALAI RAYA MPKK** | | | |
| | **a)** | Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu balai raya yang didirikan diatas tanah milikan individu di Hulu Bernam? | **PDT HS** | |
| | | | | |
| **4.** | **PERPARITAN TANAH KAMPUNG** | | | |
| | **a)** | Apakah usaha Kerajaan Negeri menaiktaraf parit di kawasan kampung-kampung yang terkesan dengan banjir? | **JPS / PDT HS** | |
| | **b)** | Berapakah peruntukan bagi kerja menaiktaraf parit di kawasan kampung di DUN Hulu Bernam tahun 2024? | **JPS / PDT HS** | |
| | **c)** | Berapa jumlah permohonan menaiktaraf parit di DUN Hulu Bernam yang telah diluluskan? | **JPS / PDT HS** | |
| | | | | |
| **5.** | **PEMASANGAN LAMPU LED** | | | |
| | **a)** | Apakah kriteria pemilihan lokasi untuk Kerajaan Negeri memasang Lampu Jalan LED Berkuasa Solar Kerajaan Negeri Selangor? | **JKR** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **6.** | **INDUSTRI HALAL SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Apakah usaha Kerajaan Negeri memberi rangsangan kepada usahawan IKS menceburi industri Halal? | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Apakah bantuan dan sokongan yang diberikan Kerajaan Negeri kepada IKS dalam mendapatkan persijilan Halal? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **7.** | **PERUNTUKAN KEPADA SEKOLAH KEBANGSAAN DAN SMK** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah peruntukan kepada sekolah di DUN Hulu Bernam bagi tahun 2023 dan 2024? | **AP** | |
| | **b)** | Apakah kategori permohonan sekolah-sekolah tersebut? | **AP** | |
| | **c)** | Bagaimana Kerajaan Negeri menangani isu kapasiti pelajar SMK Kalumpang yang maksimum? Pelajar dari Hulu Bernam terpaksa bersekolah di Tanjung Malim. | **PENDIDIKAN** | |
| | | | | |
| **8.** | **PEMBANGUNAN PROGRAM-PROGRAM DAKWAH ISLAMIAH DI NEGERI SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Nyatakan agensi kerajaan yang ditugaskan menjalankan kerja-kerja dakwah kepada bukan islam. | **MAIS** | |
| | **b)** | Nyatakan agensi kerajaan yang memberi khidmat sokongan psikososial kepada sahabat baru yang memeluk islam. | **MAIS** | |
| | | | | |
| **9.** | **SELANGOR *SOFT LANDING PROGRAMME*** | | | |
| | **a)** | Apakah perkembangan Selangor *Soft Landing Programme*? | **INVEST** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah pelabur berpotensi yang telah mengambil manfaat program ini? | **INVEST** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **10.** | **PEMBANGUNAN PROGRAM-PROGRAM DAKWAH ISLAMIAH DI NEGERI SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mengurangkan risiko ketegangan agama akibat kurang kefahaman terhadap agama Islam kepada yang beragama Islam dan juga yang bukan beragama Islam dibawah portfolio agama? | **MAIS** | |
| | **b)** | Agensi manakah yang memainkan peranan tersebut? | **MAIS** | |
| | **c)** | Nyatakan program yang telah dilaksanakan. | **MAIS** | |
| | | | | |
| **( 31 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA<br>Y.B. TUAN NOOR NAJHAN BIN MOHAMAD SALLEH<br>(SEMENTA)** | | | | |
| **1.** | **PARKIR AWAM** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah parkir yang disediakan untuk Klinik Kesihatan Kampung Rantau Panjang dan Klinik Kesihatan Kampung Bukit Kapar? | **JKNS** | |
| | **b)** | Apakah alternatif kerajaan untuk menyediakan parkir yang mencukupi kepada pengunjung yang datang ke klinik? | **JKNS** | |
| | | | | |
| **2.** | **PENYELENGGARAAN POKOK** | | | |
| | **a)** | Siapakah agensi yang bertanggungjawab di atas penyelenggaraan pokok-pokok khususnya di jalan utama di DUN Sementa? | **MBDK** | |
| | **b)** | Mohon laporan jadual cantasan atau penyelenggaraan pokok di DUN Sementa dari tahun 2020-terkini. | **MBDK** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **3.** | **STATUS SRA SUNGAI KAPAR INDAH** | | | |
| | **a)** | Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan membina bangunan SRA Sungai Kapar Indah? | **JAIS** | |
| | **b)** | Jika sudah bilakah akan dimulakan? Jika belum bilakah untuk dicadangkan? | **JAIS** | |
| | **c)** | Apakah halangan untuk menyegerakan pembinaan SRA tersebut? | **JAIS** | |
| | | | | |
| **4.** | **SUMBANGAN LEMBU KORBAN** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah lembu dan kos sumbangan Kerajaan Negeri kepada agensi-agensi Negeri Selangor semenjak tahun 2018, 2019, 2023, 2024? | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Mengapakah tidak semua masjid menerima sumbangan lembu untuk tahun 2024? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **5.** | **PROJEK ECRL** | | | |
| | **a)** | Apakah status terkini projek ECRL yang melibatkan parlimen Kapar? | **JKPTG SEL / MAKRO** | |
| | **b)** | Apakah isu pemindahan tanah perkuburan Islam Selat Klang yang melibatkan kerja-kerja ECRL telah diselesaikan dengan pihak waris? | **JAIS / MBDK** | |
| | | | | |
| **6.** | **JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JPKK)** | | | |
| | **a)** | Apakah status lantikan pengerusi JPKK yang terkini? | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Apakah masalah yang dihadapi oleh pihak kerajaan sehingga isu lantikan pengerusi JPKK tertangguh beberapa kali? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **7.** | **PENCERAIAN** | | | |
| | **a)** | Berapakah kes penceraian di Negeri Selangor dari tahun 2020-2023? | **JAIS** | |
| | **b)** | Daripada jumlah tersebut berapakah kes penceraian dalam tempoh yang sama untuk Daerah Klang? | **JAIS** | |
| | **c)** | Apakah 5 faktor utama punca kes penceraian berlaku? | **JAIS** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| **8.** | **KEMISKINAN** | | | |
| | **a)** | Berapakah bilangan dan peratus penduduk parlimen Kapar yang miskin (pendapatan RM1,500 ke bawah) mengikut kawasan DUN dari tahun 2020-2023? | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Apakah definisi miskin tegar? | **SEKTORAL** | |
| | **c)** | Apakah usaha-usaha kerajaan bagi memastikan membantu golongan miskin dan miskin tegar? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **9.** | **KAPAR INDUSTRI** | | | |
| | **a)** | Apakah pemantauan berkesan yang digunapakai Kerajaan Negeri bagi memastikan projek pembangunan seluas 200 ekar oleh Worldklang Group tidak mendatangkan mudarat kepada penduduk di situ? | **MBDK** | |
| | **b)** | Berapa banyak aduan yang diterima sejak projek ini dimulakan dan apakah tindakan yang diambil? | **MBDK** | |
| | | | | |
| **10.** | **PELAJAR UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (UIS) DAN UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah pelajar di UIS dan Unisel dari tahun 2020-2023? | **UIS / UNISEL** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah dana Kerajaan Negeri sama ada dalam bentuk bantuan atau geran setiap tahun kepada institusi tersebut dari tahun 2020-2023? | **UIS / UNISEL** | |
| | | | | |
| | | **( 32 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA<br>Y.B. TUAN NUSHI BIN MAHFODZ<br>(SEMENYIH)** | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | **CUKAI TAKSIRAN DAN BIL AIR KOMERSIAL** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah projek perumahan Rumah Selangorku dan PRIMA di DUN Semenyih yang telah siap diduduki mempunyai masalah berkaitan status cukai taksiran bukan kediaman dan bil air kategori komersial yang amat membebankan? | **LPHS / SPBT** | |
| | | | | |
| **2.** | **INFRASTRUKTUR JALAN DAN LONGKANG YANG ROSAK** | | | |
| | **a)** | Apakah tindakan dan hukuman yang telah diambil oleh PBT berkaitan infrastruktur jalan dan longkang atau parit yang rosak di DUN Semenyih disebabkan projek pembangunan seperti taman perumahan baru dan komersil yang memberi kesan langsung kepada penduduk sekitar bagi tahun 2023-2024? | **MPKj** | |
| | | | | |
| **3.** | **HAIWAN LIAR** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah aduan dan tindakan yang telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan isu haiwan liar di DUN Semenyih bagi tahun 2018-2023? | **MPKj** | |
| | **b)** | Apakah masalah utama yang menyebabkan isu ini seperti tidak menemui jalan penyelesaian? | **MPKj** | |
| | | | | |
| **4.** | **STATUS PIHAK BERKUASA TEMPATAN** | | | |
| | **a)** | Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang menaiktaraf semua PBT menjadi Majlis Bandaraya? | **SPBT** | |
| | **b)** | Apakah kriteria yang melayakkan sesebuah PBT berstatus Majlis Bandaraya? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **5.** | **NILAI TAHUNAN HARTANAH UNTUK CUKAI TAKSIRAN** | | | |
| | **a)** | Apakah rasional kenaikan kadar cukai taksiran tahunan baru (2024) yang naik mendadak sehingga sebanyak 137% daripada nilai tahunan lama (2023) manakala penurunan kadar peratus daripada 7.7% kepada 4 peratus? | **MPKj** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **6.** | **MASALAH SOSIAL REMAJA** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah kes gejala sosial melibatkan remaja yang direkodkan di DUN Semenyih diantara tahun 2018-2023? | **PDRM** | |
| | **b)** | Mohon dibuat perbandingan mengikut jenis kes. | **PDRM** | |
| | | | | |
| **7.** | **SEKOLAH AGAMA KELOLAAN JAIS DI DUN SEMENYIH** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah sekolah rendah agama dan sekolah menengah agama di bawah JAIS di Negeri Selangor? | **JAIS** | |
| | **b)** | Mohon senaraikan mengikut daerah. | **JAIS** | |
| | | | | |
| **8.** | **SEKOLAH AGAMA PERSENDIRIAN** | | | |
| | **a)** | Apakah perkembangan proses pendaftaran Sekolah Agama Persendirian di Selangor? | **JAIS** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah yang telah berjaya, yang masih dalam proses dan yang tidak berminat? | **JAIS** | |
| | **c)** | Apakah tindakan dan penyelesaian kepada yang tidak berminat atau tidak mampu? | **JAIS** | |
| | | | | |
| **9.** | **PEMBANGUNAN E-SUKAN** | | | |
| | **a)** | Sejauhmanakah peruntukan RM1juta utk Pembangunan E-Sukan telah digunakan dan memberi manfaat kepada belia di Negeri Selangor? | **MSNS** | |
| | **b)** | Nyatakan perincian bajet yg telah digunakan untuk Pembangunan E-Sukan ini. | **MSNS** | |
| | | | | |
| **10.** | **PENCAPAIAN KAFA MENENGAH** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah terkini bilangan KAFA Menengah dan jumlah pelajar yang berdaftar di KAFA Menengah sejak 5 tahun lepas di Negeri Selangor umumnya dan di DUN Semenyih khususnya? | **JAIS** | |
| | **b)** | Apakah pencapaiannya? | **JAIS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 33 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA<br>Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI<br>(SABAK)** | | | | |
| **1.** | **BANTUAN ASAS YURAN UNIVERSITI** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah pelajar yang beroleh manfaat BAYU ini sejak diperkenalkan? | **BPSM** | |
| | **b)** | Adakah kerajaan bercadang untuk membuka peluang BAYU ini kepada pelajar yang mengikuti pengajian di universiti awam selain UNISEL dan UIS? | **BPSM** | |
| | | | | |
| **2.** | **PROJEK SABDA** | | | |
| | **a)** | Setakat ini berapakah jumlah pelaburan domestik dan pelaburan dari luar yang telah diterima? | **MBI** | |
| | **b)** | Apakah kerja-kerja yang akan dilaksanakan untuk tahun 2024 dan 2025? | **MBI** | |
| | **c)** | Bilakah projek ini dijangka akan diisytiharkan siap sepenuhnya? | **MBI** | |
| | | | | |
| **3.** | **CUKAI PINTU PBT SABAK** | | | |
| | **a)** | Berapa jumlah yang akan dapat dikutip berbanding dengan kutipan tahun 2023? | **MDSB** | |
| | **b)** | Nyatakan jumlah rumah kampung tradisi yang akan dimasukkan dalam kutipan cukai pintu baru. | **MDSB** | |
| | | | | |
| **4.** | **KAWASAN PENANAMAN PADI YANG SEMAKIN MENGECIL** | | | |
| | **a)** | Apakah dasar kerajaan terhadap tindakan pesawah yang menukar penanaman padi kepada tanaman lain yang lebih memberi keuntungan? | **PERTANIAN** | |
| | **b)** | Apakah usaha kerajaan dalam mengekang tindakan atau trend dari terus berlaku? | **PERTANIAN** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **5.** | **LATIHAN PESAWAH MODEN** | | | |
| | **a)** | Apakah kerajaan akan melaksanakan libat urus pesawah dalam menangani masalah dan membina kemahiran pertanian moden? | **PERTANIAN** | |
| | **b)** | Apakah strategi kerajaan bagi tempoh 3 tahun akan datang bagi memastikan pesawah-pesawah mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang tinggi sekaligus mampu meningkatkan hasil padi mereka? | **PERTANIAN** | |
| | | | | |
| **6.** | **KES GANGGUAN MENTAL** | | | |
| | **a)** | Nyatakan kes gangguan mental mengikut daerah dari tahun 2020 hingga kini. | **JKNS** | |
| | **b)** | Apakah punca berlakunya gangguan ini? | **JKNS** | |
| | **c)** | Strategi kerajaan dalam menangani masalah ini. | **JKNS** | |
| | | | | |
| **7.** | **PENYELEWENGAN WANG ZAKAT DI SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Nyatakan jumlah kes yang berlaku sejak 2010 hingga kini. | **LZS** | |
| | **b)** | Apakah tindakan yang telah diambil dan strategi menangani dari berulang? | **LZS** | |
| | | | | |
| **8.** | **DUTI HIBURAN** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah yang telah dikutip dan yang tidak atau belum dikutip sehingga 2023? | **SPBT / PNS** | |
| | **b)** | Apakah kerajaan menerima permohonan untuk premis baru hiburan bagi tahun 2023 dan berapakah jumlahnya? | **SPBT / PNS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 9. | **PENUBUHAN SELANGOR *CENTRE FOR ARTIFICIAL INTELLIGENCE*** | | | |
| | **a)** | Adakah kerja-kerja penubuhan ini telah bermula? | **SIDEC** | |
| | **b)** | Apakah telah dikenalpasti syarikat-syarikat yang berteknologi tinggi yang mempunyai kepakaran berkaitan? Nyatakan. | **SIDEC** | |
| | | | | |
| 10. | **PENUBUHAN SELANGOR JO*BS AND SKILL COUNCIL*** | | | |
| | **a)** | Apakah penubuhan ini telah dapat direalisasikan? | **PEJ. MB** | |
| | **b)** | Siapakah yang terlibat dalam penubuhan ini? | **PEJ. MB** | |
| | **c)** | Berapakah jumlah peluang pekerjaan yang akan dapat dinikmati oleh rakyat Selangor melalui penubuhan ini? | **PEJ. MB** | |
| | | | | |
| **( 34 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA<br>Y.B. DATO' HARRISON BIN HASSAN<br>(JERAM)** | | | | |
| 1. | **PENYENGGARAAN LAMPU-LAMPU JALAN PERSEKUTUAN 5** | | | |
| | **a)** | Senaraikan agensi yang menyenggara lampu-lampu jalan sepanjang 6 kilometer di Jalan Kapar-Kuala Selangor (FT05) dari perkampungan Tambak Jawa ke Batu 18 Jeram beserta pembahagian kawasan jagaan masing-masing. | **JKR** | |
| | **b)** | Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menyeragamkan pemasangan dan penyenggaraan terutama di selekoh gelap / berbahaya? | **JKR** | |
| | | | | |
| 2. | **MEKANISME PEMBAHAGIAN PERUNTUKAN MARRIS** | | | |
| | **a)** | Apakah status kajian semula mekanisme pembahagian lebih RM500 juta peruntukan MARRIS Selangor untuk membaikpulih jalan-jalan rosak? | **PNS** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | b) | Jika pembahagian ini dibuat secara berpusat dan bukannya sama rata untuk setiap DUN, berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk jalan-jalan sekitar DUN Jeram tahun ini? | **PNS** | |
| | | | | |
| **3.** | **KEROSAKAN JALAN RAYA SEKITAR DUN JERAM** | | | |
| | a) | Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi dalam mengurangkan kekerapan membaik pulih kerosakan jalan raya di sekitar DUN Jeram seperti Jalan Dato' Miskon, Kapar dan jalan-jalan utama di Bandar Puncak Alam? | **JKR** | |
| | | | | |
| **4.** | **TEMPOH MASA PBT MEMBALAS ADUAN** | | | |
| | a) | Apakah petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan berkenaan tempoh masa untuk PBT terutama Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) memberikan maklum balas dan mengambil tindakan ke atas aduan-aduan yang diterima mengikut setiap jabatan? | **MPKS** | |
| | | | | |
| **5.** | **PEMBUANGAN SAMPAH HARAM DI JALAN KEPONG-KUALA SELANGOR** | | | |
| | a) | Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam mengekang aktiviti pembuangan sampah haram di tepian Jalan Kepong-Kuala Selangor (FT54) iaitu dari persimpangan Jalan Bukit Cerakah ke Persiaran Daunan Worldwide setakat hari ini? | **PDT KS** | |
| | b) | Bolehkah rampasan tanah tersebut segera diusahakan melalui Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor? | **PDT KS** | |
| | | | | |
| **6.** | **INFRASTRUKTUR KAMPUNG SRI SENTOSA, MUKIM IJOK** | | | |
| | a) | Apakah perancangan Kerajaan Negeri beserta garis masa dalam mewujudkan infrastruktur sistem perparitan asas di Kampung Sri Sentosa, Mukim Ijok? | **PDT KS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **7.** | **TAPAK PENIAGA DI BANDAR PUNCAK ALAM** | | | |
| | **a)** | Dengan kemunculan semakin ramai peniaga dan penjaja jalanan di sekitar Bandar Puncak Alam, adakah Kerajaan Negeri melalui PBT mempunyai perancangan untuk mewartakan tapak-tapak baharu bagi permohonan permit? | **MPKS** | |
| | **b)** | Jika ada, apakah garis masa penambahan ini dan dimanakah lokasi yang dicadangkan? | | |
| | | | | |
| **8.** | **INTEGRASI ADUAN KEROSAKAN JALAN DENGAN APLIKASI WAZE** | | | |
| | **a)** | Apakah status pelaksanaan inisiatif aduan kerosakan jalan secara integrasi melalui aplikasi Waze seperti yang dijanjikan dalam agenda pembangunan *Smart Transport* dan *Mobility* di bawah pelan SMART Selangor? | **SSDU** | |
| | | | | |
| **9.** | **ENAKMEN MENGAWAL LEMBU-KERBAU 1971** | | | |
| | **a)** | Dengan meningkatnya kadar kemalangan akibat lembu-lembu yang berkeliaran di atas jalan raya, apakah status terkini cadangan Kerajaan Negeri dalam meminda Seksyen 5(1) Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 untuk menaikkan denda terhadap pemilik lembu yang tidak bertanggungjawab, iaitu daripada RM1,000 kepada RM10,000? | **VETERINAR** | |
| | | | | |
| **10.** | **POKOK TUMBANG** | | | |
| | **a)** | Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam membasmi masalah tumbangnya pokok rendang, berisiko dan berusia pada waktu ribut hujan sehingga mengakibatkan kemalangan jiwa dan kerosakan harta benda, khususnya di Bandar Puncak Alam dan kawasan perkampungan sekitar DUN Jeram? | **MPKS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 35 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA<br>Y.B. DATO' NOORAZLEY BIN YAHYA<br>(BUKIT MELAWATI)** | | | | |
| **1.** | **SKIM SMART SEWA** | | | |
| | **a)** | Berapakah unit rumah yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri di bawah Skim Smart Sewa ini setakat 2024? | **LPHS** | |
| | **b)** | Nyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk Skim Smart Sewa ini. | **LPHS** | |
| | **c)** | Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperluas lagi inisiatif ini? | **LPHS** | |
| | | | | |
| **2.** | **PENAMBAHBAIKAN INFRA TARIKAN PELANCONG DI BUKIT MELAWATI** | | | |
| | **a)** | Apakah status proses naik taraf muzium dan laman kebudayaan Bukit Melawati untuk dijadikan sebagai tarikan pelancong? | **PADAT** | |
| | **b)** | Adakah usaha mempromosikan tapak tangga 100 di Kuala Selangor sebagai salah satu tapak warisan sejarah Kesultanan Selangor masih diteruskan? | **PADAT** | |
| | | | | |
| **3.** | **PEMBUKAAN TANAH TERBIAR KEPADA AKTIVITI PERTANIAN** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah keluasan tanah milik Kerajaan Negeri yang terbiar di DUN Bukit Melawati? | **PDT KS** | |
| | **b)** | Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyewakan tanah terbiar milik kerajaan dan agensi kepada para petani khususnya di Kuala Selangor untuk diusahakan? | **PDT KS** | |
| | | | | |
| **4.** | **INISIATIF KERJAYA SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Berapakah peratusan peserta yang mendapat pekerjaan selepas menyertai festival kerjaya yang dianjurkan oleh Kerjaya Selangor? | **SEKTORAL / MBI** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | b) | Apakah usaha Kerajaan Negeri dan bentuk promosi yang digunakan untuk memperluaskan lagi promosi berkaitan Inisiatif Kerjaya Selangor ini? | **SEKTORAL / MBI** | |
| | | | | |
| **5.** | **PEMERKASAAN PENGGERAK BELIA SELANGOR DI DUN BUKIT MELAWATI** | | | |
| | a) | Apakah program-program yang telah dilaksanakan oleh Penggerak Belia Selangor di kawasan Kuala Selangor dan Bukit Melawati sepanjang 3 tahun kebelakangan ini? | **MSNS** | |
| | b) | Apakah mekanisme penilaian gerak kerja Penggerak Belia Selangor dalam menggerakkan agenda pemerkasaan belia di Negeri Selangor? | **MSNS** | |
| | | | | |
| **6.** | **LATIHAN USAHAWAN IT (SITEC)** | | | |
| | a) | Apakah status pelaksanaan program Latihan Usahawan IT (SITEC)? | **SITEC** | |
| | b) | Berapakah jumlah peserta terkumpul latihan ini sejak ia mula dilancarkan? | **SITEC** | |
| | c) | Berapakah peratus kemenjadian peserta selepas mengikuti Latihan Usahawan IT ini? | **SITEC** | |
| | | | | |
| **7.** | **SKIM BANTUAN ASUHAN RAKYAT (SIKEMBAR)** | | | |
| | a) | Berapakah jumlah penerima manfaat yang mendapat bantuan daripada skim SIKEMBAR ini? | **SEKTORAL** | |
| | b) | Adakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan skim ini kepada lebih ramai penerima? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **8.** | **PUSAT DIALISIS DI KUALA SELANGOR** | | | |
| | a) | Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina pusat dialisis baru di Daerah Kuala Selangor bagi menampung keperluan pesakit dialisis di sana? | **SPBT** | |
| | b) | Apakah terdapat cadangan untuk memperluas akses kepada Panel Dialisis Sihat di Kuala Selangor khususnya di DUN Bukit Melawati? | **SPBT** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **9.** | **PENYALAHGUNAAN LESEN PERNIAGAAN** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah lesen perniagaan yang telah diluluskan oleh pihak Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS)? | **MPKS** | |
| | **b)** | Apakah kaedah penguatkuasaan semasa bagi mengekang penyalahgunaan lesen perniagaan oleh warga asing? | **MPKS** | |
| | | | | |
| **10.** | **PEMBERDAYAAN WANITA** | | | |
| | **a)** | Apakah status pelaksaan program-program pemerkasaan wanita seperti PWB dan JMWB yang dikelola oleh Wanita Berdaya Selangor di DUN Bukit Melawati? | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Sejauh mana penglibatan para wanita dalam program-program yang dijalankan? Mohon perincian. | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **( 36 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA<br>Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI<br>(HULU KELANG)** | | | | |
| **1.** | **RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SELANGOR 2035** | | | |
| | **a)** | Keperluan pengubahan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 merangkumi antara lain, Laporan Pemantauan dan Penilaian *Outcome* (LPPO). Sejauh manakah LPPO diberikan tanggungjawab untuk memastikan penerapan agenda perancangan serta isu dan cabaran pelaksanaan pembangunan di dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1)? | **JPBD** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 2. | **PENYATA KEWANGAN AGENSI KERAJAAN NEGERI** | | | |
| | a) | Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan Penyata Kewangan Agensi Negeri dikemukakan dengan lengkap selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa dan boleh diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan? | **PNS** | |
| | | | | |
| 3. | **TUNGGAKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT** | | | |
| | a) | Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut dan tunggakan hasil / bayaran balik pinjaman / hutang daripada jabatan / agensi kerajaan supaya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh? | **PNS** | |
| | | | | |
| 4. | **DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA** | | | |
| | a) | Apakah status Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (Penggantian) 2035 yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 1/2023 pada 2 Mac 2023? | **MPAJ** | |
| | | | | |
| 5. | **PERAKUAN PERINTAH TERHADAP KERAJAAN** | | | |
| | a) | Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap Perakuan Perintah Terhadap Kerajaan (Certificate of Judgment Against the Government) yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 15 Jun 2023 yang difailkan oleh pemohon, Pristine Power Sdn Bhd? | **PUU** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **6.** | **GERAN PEMBANGUNAN SEKTOR SUKAN** | | | |
| | **a)** | Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan prestasi atlet dan jurulatih sukan Negeri Selangor dan nyatakan jumlah geran pembangunan yang diperuntukkan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) bagi setiap tahun? | **MSNS** | |
| | | | | |
| **7.** | **DASAR PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN NEGERI** | | | |
| | **a)** | Apakah dasar pemberimilikan tanah kerajaan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara yang berkuatkuasa hari ini? Nyatakan asas pelupusan secara pemberimilikan tanah kerajaan seluas 49 ekar di Daerah Petaling kepada Teroka Bakti Sdn. Bhd. | **PTGS** | |
| | | | | |
| **8.** | **PENGGANTIAN PAIP LAMA** | | | |
| | **a)** | Apakah status kerja-kerja penggantian paip lama di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sehingga 31 Mei 2024? Berapakah kawasan hotspot yang dikenal pasti dan jumlah peruntukan yang disediakan oleh Air Selangor untuk tahun 2024? | **AIR SEL** | |
| | | | | |
| **9.** | **SENARAI NILAIAN BARU 2020** | | | |
| | **a)** | Apakah proses untuk meneliti dan menimbangkan bantahan yang dikemukakan oleh pemilik harta / pegangan terhadap kenaikan mendadak nilai tahunan baru / cukai pintu yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan? Bilakah Senarai Nilaian Baru 2020 akan dikuatkuasakan? | **SPBT** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 10. | **GERAN PENYELIDIKAN NEGERI SELANGOR 2023 (GPNS)** | | | |
| | a) | Apakah tindakan Kerajaan Negeri berdasarkan aduan bertulis bertarikh 5 September 2023 terhadap pengurusan UNISEL yang menggugurkan nama-nama ahli akademik / penyelidik dari menerima Geran Penyelidikan Negeri Selangor 2023 (GPNS) sekiranya mereka adalah ahli Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Selangor? | **UNISEL** | |
| | | | | |
| **( 37 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA<br>Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI<br>(SELAT KLANG)** | | | | |
| 1. | **KOS SARA HIDUP TINGGI** | | | |
| | a) | Apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat di Selangor akibat dari peningkatan kos sara hidup? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| 2. | **PENDAPATAN KERAJAAN NEGERI** | | | |
| | a) | Berapa peratuskah penambahan peningkatan pendapatan yang telah Kerajaan Negeri peroleh dari tahun lepas? | **PNS** | |
| | | | | |
| 3. | **KUTIPAN DAN AGIHAN WANG ZAKAT** | | | |
| | a) | Berapakah nilai keuntungan Zakat Selangor setakat Mei 2024? | **LZS** | |
| | b) | Apakah cara pengagihan kepada pemohon sehinggakan ada yang melabelkan Zakat Selangor mengamalkan birokrasi yang tinggi? | **LZS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **4.** | **PERUNTUKAN SUKAN** | | | |
| | **a)** | Berapakah nilai peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi aktiviti sukan di Negeri Selangor bagi tahun 2024? | **MSNS** | |
| | | | | |
| **5.** | **MASALAH AIR** | | | |
| | **a)** | Apakah langkah dan usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah pencemaran air? | **LUAS** | |
| | **b)** | Apakah tindakan yang boleh dan akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah kekerapan gangguan bekalan air yang berlaku? | **LUAS / AIR SEL** | |
| | | | | |
| **6.** | **MENGENANG JASA LAGENDA SUKAN** | | | |
| | **a)** | Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina Muzium Sukan untuk memperingati jasa-jasa lagenda sukan yang telah menaikkan nama Negeri Selangor dalam dunia sukan tanah air? | **MSNS** | |
| | | | | |
| **7.** | **PELANCONGAN** | | | |
| | **a)** | Apakah inisiatif Kerajaan Negeri dalam merancakkan sektor pelancongan Negeri Selangor pada tahun ini sebagai langkah persediaan menyambut "Tahun Melawat Selangor" pada tahun hadapan? | **TSSB** | |
| | | | | |
| **8.** | **PRESTASI KEWANGAN** | | | |
| | **a)** | Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan prestasi kewangan Negeri Selangor? | **PNS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **9.** | **EKONOMI ANAK MUDA** | | | |
| | **a)** | Apakah terdapat usaha Kerajaan Negeri demi menambah baik keadaan ekonomi anak-anak muda dalam meningkatkan purata pendapatan mereka? | **MSNS** | |
| | **b)** | Sejauh manakah perkembangan usaha tersebut? | **MSNS** | |
| | | | | |
| **10.** | **PKPS** | | | |
| | **a)** | Apakah perancangan PKPS dalam memajukan sektor pertanian di Negeri Selangor? | **PKPS** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah ladang yang mencatat keuntungan dan kerugian dalam tempoh masa setakat ini? | **PKPS** | |
| | | | | |
| | | **( 38 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA<br>Y.B. DATUK SERI JAMIL BIN SALLEH<br>(DENGKIL)** | | |
| **1.** | **KIOSK PENJAJA PBT** | | | |
| | **a)** | Berapa kos pembinaan bagi sebuah kiosk penjaja yang disediakan oleh PBT untuk penjaja di setiap daerah dalam Selangor, bagaimana proses tender dalam membina kiosk peniaga dan berapa peratus kiosk sudah siap dibina digunakan oleh penjaja? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **2.** | **STATUS BANGUNAN ASRAMA BESTARI YAYASAN SELANGOR AMPAR TENANG DENGKIL** | | | |
| | **a)** | Apakah status bangunan dan struktur bangunan 2 blok bangunan yang pernah digunakan oleh Sekolah Al-Kiblah pada 2014? Apakah status bangunan ini sekarang dan adakah boleh digunakan untuk dijadikan Sekolah Rendah Agama bagi menampung kekurangan sekolah agama di kawasan Dengkil? | **YS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 3. | **KAPAL KOREK SRI BANTING** | | | |
| | a) | Berapa kos yang terlibat untuk membeli kapal korek Sri Banting dan hak milik tanah disekitarnya dan apakah tujuan kerajaan untuk membeli dengan nilai yang besar manfaat untuk masyarakat sekelilingnya? | **MPSp** | |
| | | | | |
| 4. | **KESESAKAN TRAFIK DI FT 26 ( PUTRAJAYA - KOTA WARISAN)** | | | |
| | a) | Kesesakan lalulintas sangat teruk di waktu kemuncak pada laluan FT 26. Apakah perancangan kerajaan untuk meredakan kesesakan yang terlalu teruk dan adakah ada cadangan untuk membina jalan alternatif lain serta apakah usaha untuk menyiapkan jalan di persimpangan KIWA? | **JKR** | |
| | | | | |
| 5. | **ISU PENGAMBILAN TANAH DI KAMPUNG ORANG ASLI BUKIT BAJA** | | | |
| | a) | Apakah status tanah adat orang asli di Kampung Bukit Baja yang akan dibangunkan oleh PKNS? Adakah mereka mendapat pampasan dan kemana mereka akan dipindahkan sekiranya kawasan mereka akan diambil? | **PKNS** | |
| | b) | Adakah pampasan yang diberi bersesuaian dengan keadaan semasa? | **PKNS** | |
| | | | | |
| 6. | **PERMIT PENGGUNAAN TANAH BAGI PETANI-PETANI DI KAWASAN HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT (MUKIM TANJUNG 12 (2) ) DAERAH KUALA LANGAT** | | | |
| | a) | Peneroka Hutan Simpan Kuala Langat Mukim tanjung 12 (2) di kalangan orang asli telah memohon permit sebelum ini untuk menanam sawit.Kenapa kerajaan membatalkan permohonan yang pernah dipersetujui setelah mula mendapat hasil sawit? | **JAB. HUTAN** | |
| | b) | Apakah penyelesaian yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan? | **JAB. HUTAN** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **7.** | **MASALAH BANJIR DI KAMPUNG LALANG DAN KAMPUNG LADANG AMPAR TENANG** | | | |
| | **a)** | Punca masalah banjir dikawasan ini adalah dari saliran lintas di bawah jalan FT26 yang sangat kecil menghala ke Sungai Langat. Apakah perancangan kerajaan supaya kawasan ini tidak lagi menghadapi masalah banjir kilat air mengalir dari projek perumahan KPKT dan Serenia? | **JKR** | |
| | | | | |
| **8.** | **MASALAH AKSES BEKALAN AIR LEBIH 10 TAHUN DI KAMPUNG ORANG ASLI SUNGAI BUAH** | | | |
| | **a)** | Apakah langkah Kerajaan Selangor untuk mengatasi tiadanya akses terhadap 14 buah rumah orang asli di Kampung orang asli Sungai Buah Dalam yang sudah berlarutan lebih 10 tahun? | **JAKOA** | |
| | | | | |
| **9.** | **KEPERLUAN SEKOLAH RENDAH, SEKOLAH AGAMA DAN SEKOLAH MENENGAH YANG MENDESAK** | | | |
| | **a)** | Pembangunan yang pesat di DUN Dengkil membuatkan kemudahan sekolah semakin padat sehingga 50 anak murid dalam satu kelas. Apakah tindakan kerajaan bagi mengatasi masalah kekurang sekolah ini? | **PENDIDIKAN/ JAIS** | |
| | | | | |
| **10.** | **SKIM BANTUAN KERAJAAN NEGERI BINGKAS** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah penerima BINGKAS di DUN Dengkil dan berapa ramai yang ditolak permohonannya? | **YAWAS** | |
| | **b)** | Apakah alasan kenapa permohonan mereka ditolak? | **YAWAS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 39 )**<br>**PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA**<br>**Y.B. PUAN NURUL SYAZWANI BINTI NOH**<br>**(PERMATANG)** | | | | |
| **1.** | **KAMPUNG DALAM RIZAB AIR / SUNGAI** | | | |
| | **a)** | Senaraikan penempatan atau perkampungan di dalam lingkungan rizab air di DUN Permatang. | **PDT KS** | |
| | **b)** | Adakah Kerajaan Selangor mempunyai perancangan untuk memindahkan penduduk dan membuat perkampungan baru menggantikan penempatan dalam rizab air tersebut khususnya di DUN Permatang dan DUN Sungai Burong? | **PDT KS** | |
| | | | | |
| **2.** | **WIFI SMART SELANGOR DI LUAR BANDAR** | | | |
| | **a)** | Adakah program Wifi Smart Selangor yang dirancang untuk memberi liputan internet percuma turut dilaksanakan di luar bandar? | **SMART SEL** | |
| | **b)** | Apakah kekangan yang dihadapi oleh kerajaan untuk melaksanakan program ini di kawasan luar bandar terutama sekali di DUN Permatang? | **SMART SEL** | |
| | | | | |
| **3.** | **KENAIKAN CUKAI PINTU** | | | |
| | **a)** | Apakah keperluan pentaksiran senarai nilaian baru Cukai Pintu di Selangor? | **SPBT** | |
| | **b)** | Adakah Pihak Berkuasa Tempatan merancang untuk menaikkan kualiti servis sejajar dengan kenaikan cukai pintu? | **SPBT** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **4.** | **PEMBANGUNAN SUKAN DI DUN PERMATANG** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah peruntukan yang diluluskan dan disalurkan bagi pembangunan sukan di DUN Permatang bagi 3 tahun kebelakangan ini? | **MPKS** | |
| | **b)** | Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menaik taraf gelanggang futsal yang sudah uzur di DUN Permatang? | **MPKS** | |
| | | | | |
| **5.** | **GURU KAFA SRA** | | | |
| | **a)** | Berapakah penambahan bilangan guru KAFA SRA yang baru dilantik sejak Januari 2024? | **JAIS** | |
| | **b)** | Apakah solusi seperti elaun perjalanan atau pertukaran ke tempat asal boleh ditawarkan kerajaan buat guru-guru yang terpaksa berulang alik jauh ke tempat kerja akibat perpindahan tahun lalu? | **JAIS** | |
| | | | | |
| **6.** | **PENGANGGURAN LUAR BANDAR** | | | |
| | **a)** | Apakah Dasar Kerajaan Negeri dalam membantu sektor pertanian dan perladangan bagi membantu mengurangkan kadar pengangguran di luar bandar? | **PERTANIAN** | |
| | **b)** | Selain dari pertanian, adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk memberi lebih peluang ekonomi baru seperti perindustrian dan pelancongan di Kawasan Tanjong Karang? | **MPKS** | |
| | | | | |
| **7.** | **MEKANISME PEMBAYARAN BINGKAS** | | | |
| | **a)** | Adakah permohonan Bingkas sudah dibuka tahun ini? | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Apakah mekanisme pembayaran Bingkas? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **8.** | **PERLINDUNGAN KEPADA MANGSA JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK** | | | |
| | **a)** | Berapakah bilangan kes jenayah seksual kanak-kanak di Daerah Kuala Selangor dan berapakah yang memerlukan perlindungan di pusat penjagaan berkediaman? | **PDRM / JKM** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | b) | Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat memastikan perlindungan lebih baik kepada mangsa seksual jenayah kanak-kanak khususnya yang melibatkan ahli keluarga sebagai pemangsa? | **PDRM / JKM** | |
| | | | | |
| **9.** | **PERLANTIKAN JURUPERUNDING YAYASAN SELANGOR** | | | |
| | a) | Apakah prosedur yang digunapakai oleh Yayasan Selangor dalam melantik juruperunding? | **YS** | |
| | b) | Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat memastikan badan seperti Yayasan Selangor ini mematuhi tatakelola yang digariskan? | **YS** | |
| | | | | |
| **10.** | **BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK)** | | | |
| | a) | Berapakah jumlah aduan yang diterima oleh BSK dan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor dari tahun 2018 sehingga Jun 2024? | **JAIS / JAKESS** | |
| | b) | Berapakah jumlah aduan berulang dalam tempoh tersebut? | **JAIS / JAKESS** | |
| | c) | Senaraikan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil atau akan diambil oleh BSK bagi aduan yang berulang. | **JAIS** | |
| | | | | |
| **( 40 ) PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA Y.B. TUAN DR. AFIF BIN BAHARDIN (TAMAN MEDAN)** | | | | |
| **1.** | **SRA KAMPUNG TAMAN MEDAN** | | | |
| | a) | Apakah status perancangan pembinaan semula Sekolah Rendah Agama Kampung Taman Medan? | **JAIS** | |
| | b) | Berapakah kos pembinaan SRA ini dan bilakah dijangka siap? | **JAIS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **2.** | **ISU PROJEK PELEBARAN JALAN** | | | |
| | **a)** | Apakah status projek pelebaran jalan PJS2 bawah kelolaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya? | **MBPJ** | |
| | **b)** | Bilakah projek ini dijangka siap? | **MBPJ** | |
| | | | | |
| **3.** | **KORIDOR UTILITI SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Berapakah gaji dan emolumen yang dibayar kepada kakitangan pengurusan tertinggi dan Ahli Lembaga Pengarah Koridor Utiliti Selangor? Sila perincikan. | **KUSEL** | |
| | | | | |
| **4.** | **VAKSIN DENGGI** | | | |
| | **a)** | Dengan penemuan terbaru vaksin denggi, Qdenga, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberikan vaksin ini secara percuma kepada rakyat? | **JKNS / SPBT** | |
| | | | | |
| **5.** | **IKAN SPESIES ASING** | | | |
| | **a)** | Tular di media tentang pencerobohan spesies asing iaitu Hypostomus Plecostomus atau ikan bandaraya di sungai sekitar negeri ini. Apakah usaha Kerajaan Negeri mengatasi masalah ini? | **PERIKANAN** | |
| | | | | |
| **6.** | **KERACUNAN MAKANAN** | | | |
| | **a)** | Insiden maut melibatkan keracunan makanan di Gombak baru-baru ini satu insiden menyayat hati. Perincikan statistik kes keracunan makanan Negeri Selangor tahun 2023? | **JKNS** | **JKNS - S** |
| | **b)** | Apa langkah Kerajaan Negeri untuk elak tragedi sama berulang? | **JKNS / SPBT** | |
| | | | | |
| **7.** | **TANAM SEMULA POKOK** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah pokok yang telah ditanam semula oleh Kerajaan Negeri mahupun PBT bagi tahun 2023 dan 2024? | **SPBT** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | b) | Berapakah jumlah kredit karbon yang dikumpul oleh Kerajaan Negeri? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **8.** | **LOJI *WASTE TO ENERGY* (WTE)** | | | |
| | a) | Berapakah jumlah sampah dihasilkan rakyat Selangor sehari? Senaraikan dari 2018 hingga kini. | **SPBT** | |
| | b) | Berapakah kos dan apakah pembinaan dua buah projek mega *Waste to Energy*, satu milik Worldwide dan satu milik KDEB perlu? | **SPBT** | |
| | c) | Adakah model bisnes ini lestari dan mampu dilaksana? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **9.** | **AGENDA KESAN PERUBAHAN IKLIM** | | | |
| | a) | Apakah status pelaksanaan penubuhan Pusat Perubahan Iklim Selangor (IKLIM) sekarang? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **10.** | **JALAN RAYA** | | | |
| | a) | Apakah rasional cadangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk membina sebuah *smart tunnel* di Seksyen 51, Petaling Jaya? | **MBPJ** | |
| | b) | Apakah kemampuan kewangan MBPJ untuk laksana projek mega ini? | **MBPJ** | |
| | | | | |
| **( 41 ) PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA Y.B. TUAN MOHD RAFIQ BIN MOHD ABDULLAH (KUANG)** | | | | |
| **1.** | **UNISEL** | | | |
| | a) | Sejauhmanakah kesungguhan UNISEL dalam melaksanakan program TVET sepertimana yang telah dibentangkan dalam Bajet Selangor 2024 oleh Dato' Menteri Besar? | **UNISEL** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **2.** | **JALAN RAYA** | | | |
| | **a)** | Bilakah jalan missing link Bandar Tasik Puteri ke Batu Arang akan dibaik pulih? | **JKR** | |
| | | | | |
| **3.** | **INFRASTRUKTUR JALAN RAYA** | | | |
| | **a)** | Bilakah lampu jalan akan dipasang di Jalan Kebun, Kuang? | **JKR** | |
| | | | | |
| **4.** | **DEWAN ORANG RAMAI BANDAR TASIK PUTERI** | | | |
| | **a)** | Apakah status pembinaan dewan orang ramai Bandar Tasik Puteri dan bilakah tarikh jangka siap berdasarkan status pembinaan terkini? | **MPS** | |
| | | | | |
| **5.** | **ELAUN GURU SRA DAN KAFA** | | | |
| | **a)** | Guru-guru SRA menerima elaun, bukannya gaji seperti kakitangan-kakitangan kerajaan lain. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa perancangan untuk menukar terma elaun di dalam surat lantikan kepada gaji agar mereka boleh menikmati elaun-elaun serta kenaikan gaji setaraf dengan kakitangan kerajaan yang lain? | **JAIS** | |
| | | | | |
| **6.** | **SEKOLAH DI BANDAR TASIK PUTERI** | | | |
| | **a)** | Bilakah Kerajaan Negeri akan membina sekolah di Bandar Tasik Puteri, terutamanya sekolah menengah kerana kepadatan penduduk yang semakin meningkat mengakibatkan sekolah sedia ada tidak dapat menampung jumlah pelajar sehingga ada pelajar terpaksa bersekolah di luar kawasan Bandar Tasik Puteri? | **PENDIDIKAN** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **7.** | **LALUAN BAS SMART SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Apakah Kerajaan Negeri akan menilai semula laluan Bas Selangorku di Kuang terutamanya di Bandar Tasik Puteri kerana banyak kawasan tidak berada dalam lingkungan laluan Bas Selangorku? | **MPS** | |
| | | | | |
| **8.** | **GERAN TANAH** | | | |
| | **a)** | Apakah tindakan Kerajaan Negeri atas kes-kes pemilikan tanah yang bertukar ke nama orang lain tanpa pengetahuan pemilik tanah sendiri? | **PTGS** | |
| | | | | |
| **9.** | **PERTUMBUHAN EKONOMI SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Apakah cadangan kerajaan bagi kawasan fokus seperti Selangor *Automotive Belt* supaya dapat membantu pertumbuhan ekonomi negeri bagi tahun 2023 hingga kini? | **INVEST** | |
| | | | | |
| **10.** | **PROGRAM INISIATIF RODA DARUL EHSAN** | | | |
| | **a)** | Apakah syarat untuk menyertai Program Inisiatif Roda Darul Ehsan yang bekerja dalam industri p-hailing secara sepenuh masa? | **MSNS** | |
| | **b)** | Adakah kerajaan bercadang untuk membuka skim ini kepada mereka yang terlibat secara separuh masa? | **MSNS** | |
| | | | | |
| **( 42 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA<br>Y.B. TUAN MUHAIMIN HARITH BIN ABDULLAH SANI<br>(BATANG KALI)** | | | | |
| **1.** | **ISU TANAH RIZAB MELAYU** | | | |
| | **a)** | Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan Tanah Rizab Melayu terjaga dan hanya dimiliki oleh Bangsa Melayu? | **PTGS** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | b) | Berapakah jumlah Tanah Rizab Melayu yang masih ada di Daerah Hulu Selangor mengikut Kawasan Batang Kali, Kuala Kubu Bharu dan Ulu Bernam? | **PTGS** | |
| | | | | |
| **2.** | **INTERNET DAN KEMUDAHAN PEMANCAR TELCO** | | | |
| | a) | Apakah langkah kerajaan untuk memastikan Batang Kali dan Hulu Selangor mempunyai jaringan internet dan komunikasi yang stabil? | **SMART SEL** | |
| | b) | Apakah kaedah kerajaan untuk memastikan Syarikat Telco yang memasang Pencawang Komunikasi mematuhi peraturan dan piawaian yang telah ditetapkan? | **SMART SEL** | |
| | | | | |
| **3.** | **ISU JALAN KAWASAN TAMAN, KAMPUNG, INDUSTRI DAN PROTOKOL** | | | |
| | a) | Bagaimanakah cara Kerajaan Negeri untuk memastikan jalan-jalan yang telah dibaikpulih mengikut piawaian agar jalan tersebut bertahan lama? | **JKR / SPBT / MPHS** | |
| | b) | Berapakah jumlah peruntukan yang digunakan untuk menyelenggara jalan-jalan di Kawasan Taman, Kampung, Kawasan Industri dan Jalan Protokol di Kawasan Batang Kali? | **JKR / SPBT / MPHS** | |
| | | | | |
| **4.** | **ISU STATUS TANAH SEKOLAH AGAMA DAN SURAU** | | | |
| | a) | Apakah inisiatif kerajaan dalam menyelesaikan isu status tanah Sekolah Agama dan Surau yang belum diselesaikan di kawasan Batang Kali dan Hulu Selangor? | **JAIS** | |
| | b) | Berapa lamakah masa yang diambil untuk menyelesaikan isu tersebut yang masih belum diselesaikan di Hulu Selangor? | **JAIS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **5.** | **KEBAJIKAN WARGA EMAS** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah pusat penjagaan dan aktiviti warga emas yang terdapat di Selangor mengikut daerah? | **JKM** | |
| | **b)** | Apakah inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu dan menjaga kepentingan warga emas yang terbiar dan tiada perlindungan di Selangor? | **JKM** | |
| | | | | |
| **6.** | **HARGA BARANG MAKANAN HARIAN** | | | |
| | **a)** | Apakah Usaha Kerajaan Negeri untuk mengawal harga barangan makanan barangan keperluan tidak dinaikkan sewenang-wenangnya? | **TOLAK** | **FEDERAL** |
| | **b)** | Sejauh manakah keberkesanan kaedah yang digunakan oleh Kerajaan Negeri dapat membantu meringankan bebanan rakyat terhadap isu kenaikan harga barang makanan dan keperluan harian? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **7.** | **BANTUAN SEKOLAH TADIKA SWASTA** | | | |
| | **a)** | Apakah bentuk bantuan dan inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu pengusaha-pengusaha tadika swasta menghadapi kenaikan kos bahan makanan dan utiliti? | **AP / YAWAS** | |
| | **b)** | Apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjaga kebajikan guru-guru tadika swasta di Selangor? | **AP / YAWAS** | |
| | | | | |
| **8.** | **KENAIKAN TARIF ELEKTRIK DAN AIR** | | | |
| | **a)** | Apakah kaedah dan cara Kerajaan Negeri menangani isu kenaikan tarif elektrik dan air yang memberikan impak yang negatif kepada rakyat khususnya golongan B40? | **SEKTORAL / PEJ. MB** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **9.** | **ISU WARGA ASING YANG BERNIAGA DI HULU SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan peniaga warga asing di Batang Kali tidak berniaga semula selepas tindakan undang-undang diambil oleh PBT? | **MPHS** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah warga asing yang berniaga di lot-lot kedai kawasan Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa, Hulu Selangor? | **MPHS** | |
| | | | | |
| **10.** | **KENAIKAN CUKAI PINTU** | | | |
| | **a)** | Apakah rasional pihak PBT menaikkan cukai pintu di Negeri Selangor? | **SPBT** | |
| | **b)** | PBT manakah yang terlibat dengan kenaikan cukai pintu di Selangor? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **( 43 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA<br>Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM<br>(GOMBAK SETIA)** | | | | |
| **1.** | **SELANGOR BIO BAY** | | | |
| | **a)** | Apakah status kemajuan bagi projek Selangor Bio Bay? Apakah benar projek ini tidak akan diteruskan dan apakah alasannya? | **CSSB / MBI** | |
| | | | | |
| **2.** | **TINDAKAN UNDANG-UNDANG PERCUKAIAN** | | | |
| | **a)** | Apakah status tindakan undang-undang percukaian oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) terhadap MBI, PNSB dan Air Selangor? Berapakah jumlah tuntutan LHDN terhadap MBI, PNSB dan Air Selangor? | **MBI / PNSB / AIR SEL** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **3.** | ***DEMAND-RESPONSIVE TRANSIT* (DRT)** | | | |
| | **a)** | Apakah pelantikan operator bagi projek *Demand-Responsive Transit* (DRT) yang dilaksanakan secara proses RFP melalui proses RFP terbuka atau melibatkan jemputan sahaja? Apakah tempoh masa RFP tersebut dan berapakah jumlah syarikat yang menyertainya? | **MBI** | |
| | | | | |
| **4.** | **PEROBOHAN SETINGGAN DAN KEDIAMAN** | | | |
| | **a)** | Apakah tatacara dan garis panduan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan perobohan setinggan atau kediaman di atas tanah kerajaan termasuk rumah ibadah? | **PTGS** | |
| | | | | |
| **5.** | **CUKAI TAKSIRAN** | | | |
| | **a)** | Apakah kriteria-kriteria bagi nilaian baru cukai taksiran yang dikenakan oleh PBT? Bagaimana proses penilaian tersebut dilaksanakan? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **6.** | **RIZAB PBT** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah rizab PBT yang telah dibelanjakan dan akan dibelanjakan khususnya bagi menaik taraf kemudahan dan prasarana asas bagi tahun 2024? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **7.** | **KOMPLEKS SUKAN SHAH ALAM** | | | |
| | **a)** | Apakah status kemajuan terkini berhubung pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam? Apakah alasan bagi penangguhan proses perobohan yang sepatutnya telah bermula pada akhir tahun lalu? | **MBI** | |
| | | | | |

| *BIL.* | | *TAJUK* | *TINDAKAN* | *ULASAN/ CATATAN* |
|---|---|---|---|---|
| *8.* | ***DEMAND-RESPONSIVE TRANSIT (DRT)*** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah dan bilakah pembayaran yang telah dibuat kepada syarikat Asia Mobility Technologies Sdn. Bhd. dan Badan Bas Coach Sdn. Bhd. Selaku operator perkhidmatan *Demand-Responsive Transit* (DRT)? | **MBI** | |
| | | | | |
| **9.** | **PENSWASTAAN DEWAN-DEWAN ORANG RAMAI** | | | |
| | **a)** | Apakah tindakan lanjut Kerajaan Negeri berhubung isu penswastaan Dewan-Dewan Orang Ramai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor sehingga mengakibatkan kenaikan harga yang tinggi? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **10.** | **SUKMA 2024** | | | |
| | **a)** | Apakah status persediaan dan sasaran kontinjen Selangor untuk SUKMA 2024 di Sarawak? Apakah Selangor mempunyai perancangan untuk menjadi tuan rumah pada masa akan datang? | **MSNS** | |
| | | | | |
| **( 44 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA<br>Y.B. TUAN ROSNIZAN BIN AHMAD<br>(MORIB)** | | | | |
| **1.** | **SRA TAMAN KEMUNING BANTING** | | | |
| | **a)** | Adakah peruntukan RM13 juta telah diberikan kepada pihak JAIS untuk memulakan projek membina SRA Taman Kemuning ini seperti yang dijanjikan? | **JAIS** | |
| | **b)** | Adakah pembinaan SRA ini akan dimulakan seperti yang dirancang pada awal 2025? | **JAIS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **2.** | **POKOK YANG TELAH UZUR** | | | |
| | **a)** | Apakah tindakan ataupun perancangan pihak Kerajaan Negeri Selangor dalam menangani pokok-pokok yang telah uzur dan berkemungkinan akan tumbang di seluruh Negeri Selangor? | **SPBT** | |
| | **b)** | Adakah pokok-pokok yang telah uzur akan diganti dengan pokok-pokok yang baru? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **3.** | **PERUNTUKAN JALAN RAYA DI JALAN-JALAN KAMPUNG** | | | |
| | **a)** | Adakah ada tambahan peruntukan untuk jalan-jalan raya dikawasan kampung khususnya di DUN Morib? | **PDT KL** | |
| | **b)** | Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menambah baik jalan-jalan kampung ini yang sebahagiannya tidak diturap sepenuhnya? | **PDT KL** | |
| | **c)** | Berapa lamakah jika permohonan untuk menurap jalan ini dapat dilaksanakan? | **PDT KL** | |
| | | | | |
| **4.** | **DEWAN SERBAGUNA** | | | |
| | **a)** | Adakah dewan serbaguna dan dewan MPKK boleh digunakan untuk program-program anjuran pihak ADN pembangkang? | **PDT KL** | |
| | **b)** | Adakah pihak Kerajaan Negeri Selangor ada perancangan untuk membina lagi dewan orang ramai ataupun dewan serbaguna khususnya di DUN Morib? | **PDT KL** | |
| | | | | |
| **5.** | **PERPARITAN** | | | |
| | **a)** | Apakah status dan kajian yang telah dibuat oleh pihak JPS terhadap sistem perparitan sepanjang Jalan Sultan Alam Shah Kanchong Darat? | **JPS** | |
| | **b)** | Adakah peruntukan akan diberi untuk menaiktaraf sistem perparitan di sepanjang jalan ini? | **JPS** | |
| | **c)** | Apakah ketetapan penyelenggaraan parit-parit yang tidak bertuan? | **MAKRO** | |
| | | | | |

,

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 6. | **RUMAH SELANGORKU** | | | |
| | a) | Nyatakan bilangan Rumah Selangorku yang telah diduduki pada tahun 2023 sehingga kini. | **LPHS** | |
| | b) | Nyatakan projek terbaru Rumah Selangorku di Kuala Langat khususnya di DUN Morib dan namakan syarikat pemajunya. | **LPHS** | |
| | | | | |
| 7. | **PERUNTUKAN JABATAN** | | | |
| | a) | Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan memberi peruntukan tambahan kepada JKR dan JPS untuk menambahbaik jalanraya dan perparitan? | **PEJ. MB** | |
| | b) | Adakah JKR dan JPS akan dibekalkan jentera berat seperti backhoe loader dan *skylift crane* untuk kegunaan jika berlaku bencana yang memerlukan tindakan segera? | **JKR / JPS** | |
| | | | | |
| 8. | **JALAN RAYA DAN LAMPU JALAN** | | | |
| | a) | Apakah langkah-langkah pihak Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah jalan raya yang tidak ada lampu jalan? | **JKR** | |
| | b) | Adakah pihak Kerajaan Negeri akan menggunakan garisan jalan bercahaya ataupun *'glow in the dark'* diseluruh Negeri Selangor yang jalan rayanya tidak berlampu dan gelap? | **JKR** | |
| | | | | |
| 9. | **PENJUALAN BAHAN MAKANAN ASAS** | | | |
| | a) | Adakah warga asing dibenarkan membeli barangan makanan asas bersubsidi seperti minyak masak paket 1kg? | **KPDNHEP** | |
| | b) | Apakah akta dan tindakan yang jelas yang boleh diambil oleh pihak berwajib berkenaan penjualan bahan makanan asas bersubsidi ini kepada warga asing? | **KPDNHEP** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 10. | **ANJING LIAR** | | | |
| | a) | Adakah pihak Kerajaan Negeri Selangor sudah mendapat ketetapan dan tindakan yang jelas berkenaan haiwan liar terutama anjing liar yang semakin tidak terkawal ini yang sering kali dibahaskan termasuk dikawasan kampung,Pantai Morib dan Pusat Rekreasi Bukit Jugra di DUN Morib khasnya? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **( 45 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DARIPADA<br>Y.B. TUAN WAN DZAHANURIN BIN AHMAD<br>(SUNGAI KANDIS)** | | | | |
| 1. | **PENGANGGURAN DIKALANGAN ANAK MUDA** | | | |
| | a) | Apakah kadar pengangguran belia bagi tempoh pasca pandemik Covid-19 (2020-2024)? | **JAB BELIA** | |
| | b) | Sejauh mana keberkesanan kaedah pengurangan kadar pengangguran melalui program-program yang telah dijalankan oleh kerajaan Selangor? | **SEKTORAL / MSNS / JAB BELIA** | |
| | | | | |
| 2. | **BANJIR AKIBAT PEMBANGUNAN TIDAK TERANCANG** | | | |
| | a) | Apakah ada tindakan tegas terhadap pemaju yang mengabaikan aspek pemulihan alam sekitar dan kelemahan penyelenggaraan sistem saliran? Jika ada, sila nyatakan bentuk tindakan. | **SPBT / JPS** | |
| | b) | Apakah hak penduduk asal dalam menuntut kerugian yang dihadapi akibat daripada pembangunan tidak terancang ini? | **SPBT / JPS** | |
| | | | | |
| 3. | **PEMBANGUNAN TANPA KOLAM TAKUNGAN ANTARA PUNCA BANJIR KILAT** | | | |
| | a) | Memandangkan banyak pembangunan dahulu adalah tidak dilengkapi dengan sistem kolam takungan, apakah tindakan kerajaan bagi menyelesaikan masalah ini? | **SPBT / JPS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **4.** | **PERUNTUKAN TAMBAHAN KEPADA AGENSI KERAJAAN TEMPATAN** | | | |
| | **a)** | Memandangkan sebagai pembayar cukai, penduduk berhak untuk mendapatkan keperluan asas yang baik dan selesa, adakah pihak kerajaan dapat memberikan peruntukan tambahan sebanyak 10% kepada agensi terlibat untuk memantapkan kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih infrastruktur di DUN Sungai Kandis? | **MBDK / MBSA** | |
| | | | | |
| **5.** | **TAWARAN PENDIDIKAN TINGGI KEPADA BELIA** | | | |
| | **a)** | Apakah tawaran / peluang yang disediakan oleh kerajaan Selangor kepada belia yang tidak mendapat tempat di IPT dan Pusat Kemahiran TVET? | **AP** | |
| | | | | |
| **6.** | **PEMBAIKAN RUMAH IBADAT** | | | |
| | **a)** | Apakah terdapat peruntukan yang disediakan oleh kerajaan Selangor bagi tujuan pembaikan/ menaik taraf rumah ibadat? (masjid, surau dan rumah ibadah bukan Islam) | **SPBT / JAIS** | |
| | **b)** | Sekiranya ada, apakah bentuk bantuan yang diberikan dan bagaimanakah cara untuk memohon? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **7.** | **PENYERAGAMAN SKOP PENYELENGGARAAN JALAN DAN PERPARITAN** | | | |
| | **a)** | Apakah terdapat langkah segera yang diputuskan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Isu Jalan, Longkang dan Parit Tidak Bertuan Bil. 1/2024 telah diadakan pada 11 Januari 2024 mengenai isu di atas? | **MAKRO** | |
| | **b)** | Nyatakan satu tempoh sasaran bilakah penyeragaman ini dapat dilaksanakan? | **MAKRO** | |
| | | | | |
| **8.** | **BANTUAN PERNIAGAAN KHAS KEPADA WANITA, IBU TUNGGAL DAN OKU** | | | |
| | **a)** | Apakah insentif yang disediakan untuk OKU Dewasa Selangor khususnya dari segi penjanaan ekonomi? | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Jika tiada, adakah kerajaan mempunyai perancangan menyediakan skim khas bantuan perniagaan untuk membantu golongan ibu tunggal dan OKU? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **9.** | **KES GELANDANGAN DI SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Apakah tindakan lanjut ke atas aduan kes gelandangan yang mengganggu premis perniagaan? | **JKM** | |
| | **b)** | Apakah SOP agensi yang terlibat terhadap kes gelandangan warganegara dan bukan warganegara? | **JKM / IMIGRESEN** | |
| | **c)** | Apakah SOP agensi terlibat terhadap kes gelandangan tidak siuman? | **JKM** | |
| | | | | |
| **10.** | **INFRA KEMUDAHAN SUKAN LUAR BANDAR** | | | |
| | **a)** | Apakah inisiatif kerajaan untuk meningkatkan kebolehcapaian kemudahan sukan bagi masyarakat luar bandar? | **MSNS** | |
| | **b)** | Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk membina satu lokasi kemudahan sukan yang lengkap bagi penduduk luar bandar seperti DUN Sungai Kandis? Jika ada, nyatakan lokasi. | **MSNS** | |
| | | | | |

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**